



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (18)
Tarikh : 1 Oktober 2017

SIARAN MEDIA

PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN DAN SESI DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL (TN50) BERSAMA JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK NEGERI PAHANG SESI 2017 - 2019 SERTA PENGANUGERAHAN PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2016 BAGI NEGERI PAHANG

Kuantan, 1 Oktober 2017 – YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang menyampaikan watikah pelantikan dan Sesi Dialog Transformasi Nasional 50 (TN50) bersama Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Pahang bagi sesi 2017 – 2019 serta menyempurnakan Penganugerahan Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 bagi Negeri Pahang pada petang ini. Majlis turut dihadiri oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

2. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melantik 2,457 orang Anggota JPP Negeri Pahang bagi penggal kedua sesi 2017 - 2019. Pelantikan ini telah menjadikan Negeri Pahang mencapai 98% keanggotaan JPP yang lengkap mengikut zon.

3. JPP berperanan sebagai wakil masyarakat setempat yang berpengaruh (*opinion leader*) dalam kawasan bandar dan mewakili suara serta aspirasi penduduk bandar. JPP juga berperanan untuk menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan kawasan setempat, membantu menangani isu-isu kesejahteraan bandar dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

4. KPKT telah menyalurkan Pemberian Peruntukan Khas kepada 10 Ahli Parlimen sebanyak RM30,000 masing-masing iaitu bagi kawasan Cameron Highlands, Lipis, Jerantut, Paya Besar, Pekan, Maran, Kuala Krau, Bentong, Bera dan Rompin. Peruntukan yang telah disalurkan pada 7 Mac 2017 ini adalah bagi penganjuran program/aktiviti bersama JPP yang meliputi gotong-royong, pendidikan, pengurusan sisa pepejal dan program ramah mesra bersama masyarakat.

5. Bagi mempromosikan JPP sebagai inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan struktur formal di kawasan bandar, KPKT telah membina sebanyak 70 buah *Centre of Urban Wellbeing* (CUBE) bagi kegunaan JPP di seluruh negara. Bagi Negeri Pahang, sebanyak 11 CUBE telah diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM1.21 juta.

6. Sehingga 30 September 2017, sebanyak 2,272 Zon JPP telah ditubuhkan di seluruh Semenanjung Malaysia dan seramai 15,306 Anggota JPP telah dilantik. Ini adalah selaras dengan Bab 3 Bidang Fokus B Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera.

7. Pada hari ini juga diadakan Sesi Dialog TN50 bagi memberi peluang kepada ahli-ahli JPP untuk melontarkan pandangan, harapan dan aspirasi mengenai bentuk kehidupan yang diinginkan pada masa hadapan.

8. Selain itu, turut berlangsung Penganugerahan Penarafan Bintang di bawah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPP-PBT) 2016 bagi Negeri Pahang. KPKT telah menjalankan penilaian SPP-PBT ini ke atas 11 PBT di Negeri Pahang. Hasil daripada penilaian ini, Majlis Perbandaran Kuantan dan Majlis Daerah Pekan telah berjaya mendapat penarafan 5 bintang manakala Majlis Daerah Maran, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Daerah Rompin, Majlis Daerah Bera, Majlis Daerah Jerantut, Majlis Daerah Kuala Lipis, Majlis Daerah Temerloh dan Majlis Daerah Raub mendapat penarafan 4 bintang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 jabatan iaitu PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa); Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp Malaysia); Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my